

06 AUG 1998

Sulaiman-Makanan

PENGELUARAN BAHAN MAKANAN NEGARA DIPERHEBAT

PETALING JAYA, 6 Ogos (Bernama) -- Pengeluaran bahan makanan dalam negara akan dijalankan secara lebih terancang dan profesional bagi meningkatkan bekalan tempatan dan menurunkan harga bahan-bahan itu, kata Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud hari ini.

Katanya, Kabinet telah mengarahkan Kementerian Pertanian meneliti perkara itu terutama daripada aspek pemasaran, sekaligus membantu mengurangkan defisit imbalan perdagangan makanan negara dalam kegawatan ekonomi sekarang.

Malaysia mengimport bahan makanan bernilai RM11 bilion tahun lepas berbanding RM10 bilion pada tahun sebelumnya.

Kementerian akan mengadakan perbincangan dengan semua jabatan dan agensinya, pertubuhan peladang, persatuan penternak dan nelayan serta pihak peruncit seperti pasar raya bagi langkah-langkah yang sesuai, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan di Kelana Jaya di sini.

Dr Sulaiman berkata, Malaysia mempunyai potensi yang sangat baik untuk mengeluarkan bahan makanannya sendiri dan sambutan rakyat yang sangat menggalakkan untuk mengeluarkannya walaupun secara kecil-kecilan telah menunjukkan hasil dari segi pengurangan kuantiti import bahan itu dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini.

Kempen menanam sayur-sayuran secara hidroponik mendapat sambutan baik, sebagai contohnya sehingga April lepas, sejumlah 8,240 takungan hidroponik telah dijual di kompleks Wisma Tani, Kementerian itu. Bilangan takungan itu berupaya menghasilkan 10.5 tan sayur-sayuran berdaun.

Dr Sulaiman berkata, dalam tempoh Januari hingga April lepas, kuantiti jumlah import bahan makanan telah turun sebanyak 11.2 peratus kepada 1.64 bilion tan berbanding 1.85 bilion tan dalam tempoh yang sama tahun lepas.

Sungguhpun nilai import bahan-bahan itu meningkat kepada RM2.38 bilion berbanding RM1.85 bilion, peningkatan itu adalah berpunca daripada penurunan nilai ringgit sekarang, katanya.

Dr Sulaiman berkata, penurunan kuantiti paling ketara ialah import buah-buahan tropika sebanyak 96 peratus, ikan hidup (33.7 peratus), daging lembu dan kerbau (18.2 peratus), hampas kacang soya (18.4 peratus), jagung makanan ternakan (15.9 peratus), gula (12.4 peratus) dan ternakan hidup (10 peratus).

Bagaimanapun dalam tempoh Januari hingga April itu, import beras meningkat 13.5 peratus kepada 209,000 tan bernilai RM311 juta berbanding 184,000 tan bernilai RM181 juta dalam tempoh sama tahun lepas.

Dalam tempoh itu juga import sayur-sayuran meningkat 3.5 peratus daripada segi kuantiti kepada 49,200 tan bernilai RM97 juta berbanding 47,500 tan bernilai RM77.64 juta, sementara nilai eksportnya meningkat 24.9 peratus.

Bagaimanapun dalam tempoh Januari hingga April itu, import beras meningkat 13.5 peratus kepada 209,000 tan bernilai RM311 juta berbanding 184,000 tan bernilai RM181 juta bagi tempoh sama tahun lepas.

Bagi tempoh itu juga import sayur-sayuran meningkat 3.5 peratus daripada segi kuantiti kepada 49,200 tan bernilai RM97 juta berbanding 47,500 tan bernilai RM77.64 juta, sementara nilai eksportnya meningkat 24.9 peratus.

Malaysia bagaimanapun masih perlu mengimport bahan makanan yang tidak dapat dikeluarkan dalam negara seperti gandum dan nilai importnya meningkat

32.9 peratus kepada RM1.1 bilion berbanding RM735.2 juta pada 1997 bagi tempoh yang sama.

Dr Sulaiman berkata, pelbagai langkah akan diambil untuk mengurangkan peranan orang tengah yang mengaut lebih banyak keuntungan daripada pengeluar bahan makanan dengan mengaturkan jualan secara terus oleh para pengeluar.

Katanya, kementerian juga telah mengarahkan Fama supaya meninjau kemungkinan Malaysia membeli jagung makanan ternakan dan biji gajus dari Mozambique untuk diproses di negara ini.

Fama akan meninjau sama ada usaha itu berdaya maju setelah mengambilkira kos pengeluaran di negara ini, katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat Mozambique baru-baru ini, telah meminta Kementerian Pertanian mengkaji kemungkinan itu semalam.

-- BERNAMA

AFY RHM